

## Penjual DVD tiruan panas punggung

Muhammad Apendy Issahak  
apendy@NSTP.com.my

SELEPAS sekian lama tiada operasi atau serbuan membabitkan premis menjual cakera padat digital (DVD), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak bertindak menyerbu dua premis di Gopeng dan Kampar semalam yang menjual cakera optik itu.

Serbuan bermula 2 petang dilakukan hasil maklumat awam berhubung perniagaan premis terbabit yang dipercayai menjual cakera optik tanpa label cakera optik.

Ketua Seksyen Penguin kuasa KPDNHEP Perak, Mohd Sakhri Mohd Salleh berkata, serbuan dijalankan sembilan anggota berjaya merampas 12,450 DVD dianggarkan bernilai RM81,250.

"Pasukan serbuan membuat pemeriksaan di kedua-dua premis dan menemui sejumlah cakera optik jenis DVD disyaki dijual tanpa dilekatkan label cakera optik.

"Pemilik kedua-dua premis disyaki melakukan kesalahan mengikut Peraturan 4 (4)(a) Peraturan Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat KPDNHEP Perak, Ipoh, hari ini.

Menurutnya, keterangan pemilik kedua-dua premis juga dirakamkan bagi membantu siasatan yang jika sabit kesalahan membabitkan pertubuhan perbadanan boleh dihukum denda maksimum RM250,000 untuk kesalahan pertama dan RM500,000 bagi kesalahan seterusnya.

Bagi individu persendirian pula boleh dikenakan denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali untuk kesalahan pertama, manakala kesalahan seterusnya didenda maksimum RM200,000 atau penjara enam tahun atau kedua-duanya.

Mohd Sakhri berkata, pihaknya juga akan memeriksa semua DVD dirampas itu untuk memastikan sama ada ia adalah tulen dan jika cetak rompak, maka akan disiasat mengikut akta lain pula.

"KPDNHEP ingin menegaskan supaya peniaga tidak menjual cakera optik tanpa dilekatkan label cakera optik yang sah dan untuk makluman setiap unit label cakera optik diluluskan dikenakan bayaran 16.3 sen.

"Serbuan membabitkan premis menjual DVD ini sudah jarang dilakukan susulan kebanyakan pengguna kini menonton filem di pawagam atau hanya melalui internet di telefon pintar dan sebagainya," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 6 Julai 2019 @ 12:00 AM



MOHD Sakhri Mohd Salleh menunjukkan cakera optik jenis DVD dilekatkan label cakera optik pada sidang media di Ibu Pejabat KPDNHEP Perak. FOTO MUHAIZAN YAHYA